



Alias bersama Komander Ops Gading II, Kol Mazlan Md Sahalan (kiri) meninjau kawasan penerokaan haram di Blue Valley, Cameron Highlands, semalam.

8 kebun haram diteroka semula

➔ MKN turut kesan tiga kawasan pencerobohan baharu

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

► Cameron Highlands

Tidak serik! Peneroka tanah haram di sini terus melakukan kegiatan mereka, apabila lapan kebun haram didapati diteroka semula selepas ia dimusnahkan dan strukturnya dirobohkan menerusi Ops Gading pada tahun lalu.

Bukan saja tidak serik, peneroka haram itu juga mengugut pihak berkuasa yang terbabit dalam operasi berkenaan.

Lebih mengejutkan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut mengesan tiga kawasan pencerobohan baharu.

Setiausaha MKN, Datuk Seri

Alias Ahmad, berkata kawasan diteroka semula membabitkan empat di Ringlet, dua di Sungai Mention dan masing-masing satu di Kampung Raja serta Lembah Bertam.

“Kawasan pencerobohan baharu pula dikesan membabitkan kawasan seluas kira-kira tujuh hektar di kawasan Blue Valley dan Lembah Bertam,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Teknikal Ops Gading II di Pejabat Tanah dan Daerah Cameron Highlands, di sini, semalam.

84 kertas siasatan dibuka

Alias berkata, 84 kertas siasatan dibuka membabitkan penerokaan haram dengan dua daripadanya sudah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM10,000.

Beliau berkata, ketika ini 83 peratus kawasan penerokaan haram sudah dibersihkan dan dimusnahkan setakat ini.

“Kami tidak boleh memandang ringan ancaman dan ugutan itu kerana ia membabitkan ancaman terhadap penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka,” katanya.

Ops Gading yang diadakan

Info

Tindakan terhadap penceroboh tanah haram Cameron Highlands

➔ **Jika syarikat asing**, syarikat akan disenaraihitamkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

➔ **Jika membabitkan** ahli lembaga pengarah warga asing, MKN akan mencadangkan namanya disenarai hitam daripada memasuki negara ini

➔ **Polis turut mengesan**

elemen gangsterisme dan ugutan serta ancaman mencederakan petugas yang terbabit dalam Ops Gading

➔ **Jabatan Perhutanan** mula laksanakan Program Tanam Semula Hutan di kawasan 32 hektar yang terjejas melalui sembilan program dirancang

pada 4 Disember 2014 hingga 10 Julai tahun lalu, berjaya memusnahkan tanaman dan struktur di kawasan haram pertanian itu membabitkan kawasan seluas 2,258 hektar daripada 2,656 hektar kawasan yang diceroboh.

MKN sebelum ini memaklumkan anggaran kasar diberikan semua agensi berkaitan bagi membaiki pulih Cameron Highlands membabitkan kos keseluruhan RM2.2 bilion iaitu bagi kerja pemuliharaan tanah tinggi itu, memastikan tiada pencerobohan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan mengatasi penerokaan haram.

Ceroboh rizab sungai

Sementara itu, Alias berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut mengesan serta mengenal pasti 26 sungai yang berlaku pencerobohan rizab sungai, manakala 17 sungai sedang dalam siasatan.

Katanya, Ops Gading II bermula 3 Mac lalu dan akan berakhir 31 Julai ini disertai 57 pegawai serta anggota daripada 18 agensi, bukan saja membabitkan pasukan keselamatan tetapi juga agensi terbabit secara langsung secara menyeluruh.